

LAMPIRAN 1 – KETERANGAN PROJEK

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN SEWAAN PERKAKASAN ICT DAN AKSESORI BAGI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2017 DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Sebutharga ini adalah untuk
 - 1.1.1. **penyewaan perkakasan ICT** yang akan digunakan setiap kali sesi Persidangan Dewan Negeri Selangor.
 - 1.1.2. **Pemasangan perkakasan ICT sewaan** yang perlu dibuat SEBELUM setiap kali sesi Persidangan Dewan Negeri Selangor.
- 1.2. Sebagai makluman, sesi Persidangan Dewan Negeri Selangor diadakan sebanyak **3 kali setahun**, dengan setiap sesi berlangsung biasanya antara **1-14 hari**.

2. TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak ini adalah daripada tarikh surat tawaran ditandatangani sehingga 31 Disember 2017 . Pentadbiran ini berhak untuk menentukan tarikh permulaan kontrak dan tarikh tamat kontrak.

3. PENYEWAAN PERKAKASAN ICT

3.1. BARANGAN

Terminal A, Terminal B, Lokasi Ketua Jabatan Utama, Datuk Bandar & Yang Dipertua PBT dan Pegawai Daerah yang duduk di dalam dewan persidangan.		
NO	PERKAKASAN	KUANTITI
1	Komputer Riba (Laptop) dan aksesori	60
2	Komputer Riba (Laptop) dan aksesori	5
3	Komputer peribadi (PC) dan aksesori	2
4	Pencetak Rangkaian (Network Printer)	11
5	UPS	2
6	Petugas	2

7	Kerja- kerja konfigurasi LAN Network Dan Testing	78 point
BILIK JURU LAPOR		
NO	PERKAKASAN	KUANTITI
1	Komputer Riba (Laptop) dan aksesori	2
2	Komputer peribadi (PC) dan aksesori	20
3	Pencetak Rangkaian (Network Printer)	13
4	UPS	20
5	Kerja- kerja konfigurasi LAN Network Dan Testing	35 point
6	Wifi Connector	5
7	Petugas	2

3.1.1. Pegawai Kerajaan Negeri yang dilantik berhak membuat penolakan terhadap bekalan peralatan yang rosak, terdapat kecacatan, rendah kualiti atau yang tidak menepati spesifikasi teknikal.

3.1.2. Kerajaan Negeri adalah berhak menyetuju terima tawaran penyebutharga sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Kerajaan Negeri tidak menjamin dalam apa cara sekalipun bahawa barang/perkhidmatan yang disebutkan dalam pelawaan sebutharga ini akan dipesan kesemuanya tetapi penyebutharga yang berjaya mesti sedia membekalkan semua pesanan yang dinyatakan ini dengan harga dan syarat-syarat yang sama.

3.2. SKOP KERJA/PERKHIDMATAN

3.2.1. SEBELUM PERSIDANGAN

3.2.1.1. Penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki untuk :

- i. Melaksanakan penghantaran dalam tempoh **sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum bermulanya setiap Persidangan Dewan Negeri Selangor ATAU seperti yang DIARAHKAN oleh pihak Kerajaan Negeri;**
 - ii. Membuat pemasangan peralatan yang dibekalkan;
 - iii. Membuat instalasi dan konfigurasi sistem yang berkaitan (atas arahan Bahagian Teknologi Maklumat) pada peralatan yang dibekalkan;
 - iv. Melaksanakan ujian bagi peralatan dan perisian yang dipasang bagi memastikan ia berfungsi dengan baik dan menyediakan **LAPORAN PENGUJIAN PERKAKASAN**
- 3.2.1.2. Urusan pembekalan, penghantaran, pemasangan dan pengujian ini hendaklah diatur dengan **Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.**
- 3.2.1.3. Perkakasan yang dibekalkan hendaklah dihantar dan dibekalkan pada waktu dan lokasi yang dipersetujui oleh pihak Kerajaan Negeri.
- 3.2.1.4. Semua urusan penghantaran dan bekalan perkakasan hendaklah diuruskan oleh Pembekal.

3.2.2. SEMASA PERSIDANGAN

- 3.2.2.1. Pembekal dikehendaki menyediakan **empat (4) orang petugas yang bertugas** sepanjang tempoh Persidangan untuk menyelesaikan masalah/aduan berbangkit berkaitan perkakasan ICT tersebut. **Dua (2) orang pertugas akan berada di Bilik Pelapor Dewan Annex sehingga selesai dan dua (2) orang pertugas akan berada di dewan persidangan sehingga selesai.** Semua Petugas **wajib** berada di Bangunan Persidangan Dewan Negeri Selangor dan Bilik Pelapor Dewan Annex sepanjang masa. Petugas adalah tertakluk kepada protokol dan undang- undang yang **WAJIB** dipatuhi

oleh pihak pembekal. Bagi pertugas di Bilik Pelapor tempoh masa jurulapor bertugas (anggaran 12 Jam) pada setiap hari Persidangan maka petugas perlu bersiap sedia untuk menyelesaikan masalah/ aduan berbangkit perkakasan tersebut selain memberikan khidmat sokongan dalam edaran rakaman audio persidangan kepada setiap jurulapor.

- 3.2.2.2. Sekiranya peralatan yang dibekalkan mengalami kerosakan, pembekal hendaklah menggantikannya dengan **spare unit dengan segera**.

3.2.3. SELEPAS PERSIDANGAN

- 3.2.3.1. Pembekal dikehendaki mengemas semua peralatan yang dibekalkan dan mengambilnya semula selepas hari terakhir Persidangan berakhir. Selepas mendapat pengesahan pegawai BTM.
- 3.2.3.2. Pembekal hendaklah mengemukakan dokumen tuntutan bayaran dengan segera.

3.3. ARAHAN PENGHANTARAN PERALATAN

- 3.3.1. Arahan penghantaran peralatan bagi tujuan persidangan dewan hanya boleh dilakukan oleh pihak Bahagian Teknologi Maklumat kepada pihak pembekal secara bertulis sama ada melalui emel atau surat.
- 3.3.2. Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa bekalan atau penghantaran yang dipesan selain daripada cara yang tersebut di atas.

3.4. PENERIMAAN/PENOLAKAN

- 3.4.1. Perakuan penerimaan bekalan dan perkhidmatan hanya akan dibuat setelah diperiksa atau disahkan oleh pegawai bagi Pihak Kerajaan Negeri yang diberi kuasa.
- 3.4.2. Kerajaan Negeri adalah berhak sepenuhnya untuk menolak bekalan tersebut sekiranya Kerajaan Negeri mencurigai bahawa peralatan yang dibekalkan rendah mutunya atau dalam keadaaan yang kurang baik atau tidak menepati spesifikasi. Dalam keadaan demikian, pembekal hendaklah mengambil balik

peralatan itu dan menggantikannya dengan kadar segera, di atas daya usaha, ikhtiar dan perbelanjaannya sendiri. Sekiranya pembekal tidak mengendalikan syarat ini, maka Kerajaan Negeri berhak untuk menyewa peralatan lain daripada mana-mana punca, dengan kos perbelanjaan yang berkaitan ditanggung oleh pembekal.

3.5. KEGAGALAN PELAKSANAAN PENGHANTARAN OLEH PEMBEKAL

- 3.5.1. Sekiranya pembekal gagal membuat penghantaran yang diperlukan dalam masa yang ditetapkan, Kerajaan Negeri boleh mendapatkan pembekalan dari punca lain dan segala perbelanjaan tambahan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri akan dituntut terus daripada pembekal.
- 3.5.2. Bagi penghantaran yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan pembekal seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir atau seumpamanya, Kerajaan Negeri boleh membenarkan pelanjutan tempoh penghantaran tersebut dengan syarat pembekal perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

4. PEMERIKSAAN

- 4.1.1. Kerajaan Negeri adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa penyelenggaraan atau bila-bila masa lain sebelum dan selepas perkakasan dipasang atau dikemas di lokasi yang ditetapkan.
- 4.1.2. Pembekal hendaklah memberi kerjasama dan kemudahan pemeriksaan apabila dikehendaki.

5. HARGA TAWARAN

- 5.1.1. Penyebutharga adalah dikehendaki menyatakan **tawaran harga bersih**.
- 5.1.2. Penyebutharga yang berjaya **tidak boleh mengenakan sebarang kos tambahan** terhadap perkara yang dinyatakan dalam dokumen sebutharga.
- 5.1.3. Kadar harga yang ditawarkan hendaklah termasuk GST, pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian, petugas sepenuh masa sepanjang sesi

persidangan, pengemasan, pengambilan semula peralatan dan lain-lain kos yang difikirkan perlu seperti yang dijelaskan dalam skop kerja/perkhidmatan.

6. PERJANJIAN

Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrak dengan Kerajaan Negeri.

7. PEMBAYARAN

- 7.1.1. Pembekal tidak boleh menuntut apa-apa bentuk bayaran tambahan daripada Kerajaan Negeri selain daripada bayaran yang dinyatakan dalam dokumen kontrak.
- 7.1.2. Pembayaran kepada pembekal tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki. Bayaran oleh Kerajaan Negeri tidak melepaskan pembekal atas tanggungjawab yang berkaitan di dalam kontrak.